

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei


Shahrul Muhazad Shahrudin



## BERGURU DENGAN YOUTUBE

Ditulis oleh: Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli

Pada suatu hari di sekitar bulan Januari, tahun 2023, jam tangan saya kehabisan bateri. Akibatnya jarum jam, jarum minit dan jarum saat di jam tangan saya sudah tidak berfungsi. Saya terasa amat malas hendak pergi ke kedai jam yang kebetulan jauh daripada rumah untuk menukar bateri jam tersebut. Secara tiba-tiba terdetik di hati saya kenapa tidak saya mencuba menukar sendiri bateri jam tangan tersebut. Lalu secara spontan saya terus membuka YouTube untuk menonton video-video tentang cara-cara mengganti bateri jam tangan.



Gambar 1: Video membaiki jam tangan di YouTube

Apabila membuka sahaja YouTube dan ditaip perkataan "cara menukar bateri jam tangan", saya dapati banyak video-video yang kandungannya menerangkan tentang cara-cara menukar bateri, menukar aksesori dan membaiki kerosakan jam tangan yang sedang dikongsi dalam media sosial itu. Saya dapati juga video-video itu dikongsi oleh individu-individu daripada pelbagai negara di seluruh dunia. Video yang menjadi pilihan utama saya ialah video daripada negara Indonesia kerana lebih mudah difahami.

Tanpa berlengah lagi, saya pun mula menonton video-video tersebut. Selepas menonton beberapa video, saya mula mempraktikkan ilmu yang dipelajari. Peralatan menukar bateri jam tangan saya beli secara dalam talian melalui Shopee. Saya menggunakan jam-jam tangan terpakai yang ada di rumah saya sebagai alat latihan. Syukur kepada tuhan, selepas beberapa lama mencuba, akhirnya sekarang saya sudah mampu menukar sendiri bateri jam tangan dan juga mampu membaiki kerosakan-kerosakan kecil pada jam tangan. Rakan-rakan sekerja di pejabat dan jiran-jiran di taman perumahan saya sering kali juga meminta pertolongan untuk menukar bateri dan membaiki jam tangan mereka. Saya dengan rela hati membantu mereka tanpa mengharapkan sebarang upah wang ringgit. Hal ini kerana saya menganggap kepuasan yang saya perolehi disebabkan

berjaya menukar bateri dan membaiki kerosakan jam tangan mereka dengan tangan saya sendiri ialah sebagai suatu upah yang tidak ternilai harganya.



**Gambar 2: Peralatan membaiki jam tangan yang dibeli di Shopee**

Sekarang saya masih lagi meneruskan usaha saya belajar membaiki lain-lain peralatan daripada video-video di YouTube. Contohnya, saya kerap menonton video di YouTube tentang cara-cara membaiki peralatan elektrik seperti seterika, pembersih hampagas, peti ais, mesin basuh dan mesin pengisar makanan. Kesimpulannya ialah pada masa kini kita amat mudah mempelajari sebarang ilmu kerana ilmu berada di hujung jari. Ia bermaksud selain

daripada mendapatkan ilmu secara formal daripada institusi pengajian, kita juga boleh mendapatkan ilmu secara percuma dan pantas melalui berguru dengan YouTube dan lain-lain media sosial. Cuma syarat untuk berjaya ialah kita mesti mempunyai **minat dan kerajinan!**